

TEKS UCAPAN
MAJLIS PELANCARAN HARI LANDSKAP NEGARA 2017

oleh

YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN

DI TAMAN TASIK KAMUNTING, PERAK DRAUL RIDZUAN
PADA 2 APRIL 2017

(Semak sebelum lafaz)

Terima kasih Puan Pengacara Majlis,

Yang Amat Berhormat Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abd Kadir
Menteri Besar Perak

YB Datuk Halimah binti Mohamad Sadique
Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

YBg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

YBhg. Dato' Haji Abd. Rahim bin Md Ariff
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Taiping

YBrs. Tuan Haji Esa bin Haji Ahmad,
Ketua Pengarah
Jabatan Landskap Negara.

Datuk-datuk, Datin- datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian
Assalamualaikum Wbt, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada

Yang Amat Berhormat Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abd Kadir, Menteri Besar Perak kerana sudi hadir ke majlis sambutan Hari Landskap Negara 2017 (HLN2017) yang diadakan pada hari ini. Di pagi yang sungguh berbahagia ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan di atas kehadiran YBhg. Datuk-datuk, Datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan ke majlis ini. Bagi saya dan KPKT ianya sangat bermakna kerana buat pertama kalinya pelancaran Hari Landskap Negara ini kita adakan di negeri Perak. Bagi pihak Kementerian dan seluruh warga penganjur saya ingin mengucapkan selamat datang ke HLN2017. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas kerjasama erat kerajaan Negeri Perak khususnya Majlis Perbandaran Taiping dalam penganjuran HLN 2017 pada kali ini.

YAB Dato' Sri, Datuk-datuk, Datin- datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Akujanji

Sebagai peneraju dalam memastikan kesejahteraan hidup rakyat, terutamanya di kawasan bandar, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan sentiasa memberi fokus untuk menyediakan kemudahan bagi kehidupan yang selesa, selamat dan sejahtera untuk rakyat. Selain daripada menyediakan kemudahan perumahan, penyediaan infrastruktur perbandaran, penyediaan kemudahan kebombaan, KPKT juga mempunyai peranan penting untuk mewujudkan kawasan perbandaran yang sejahtera dan sesuai didiami. Kementerian ini mempunyai tanggungjawab untuk menunaikan dua Akujanji Persekutuan melalui usaha pembangunan landskap, ia itu untuk menyediakan akses rekreasi awam bagi membolehkan rakyat mengamalkan gaya hidup sihat, dan yang keduanya untuk meningkatkan kawasan hijau perbandaran bagi kesejahteraan hidup bandar.

Komitmen KPKT

KPKT melalui Jabatan Landskap Negara sangat komited untuk memastikan infrastruktur hijau (*Green Infrastructure*) dalam kawasan perbandaran dirancang, dibina dan diurus secara *holistic*. Ini kita lakukan dengan membantu PBT menyediakan Pelan

Induk Landskap bagi digunakan sebagai alat kawalan perancangan pembangunan landskap dan diikuti dengan pembinaan taman-taman awam baru dan menaik taraf taman-taman awam sedia ada bagi membolehkan rakyat yang tinggal dibandar dapat melaksanakan aktiviti rekreasi sebagai amalan gaya hidup sihat. Kementerian juga melalui JLN membantu PBT untuk meningkatkan kawasan hijau melalui pelaksanaan projek landskap perbandaran dan projek pembangunan persekitaran yang menghubungkan kawasan-kawasan tumpuan awam dalam bandar menjadi satu rangkaian hijau yang berfungsi dan berkualiti. Usaha ini mempunyai impak secara langsung terhadap pengurangan kesan pulau haba di perbandaran dan mewujudkan persekitaran kehidupan yang kondusif dibandar-bandar.

Pembangunan Landskap Di Negeri Perak

Untuk makluman, rakyat negeri Perak juga tidak ketinggalan daripada mendapat manfaat pelaksanaan projek-projek landskap yang dilaksanakan oleh Kementerian melalui Jabatan Landskap Negara. Sehingga ini Jabatan telah menyediakan Pelan Induk bagi 7 buah PBT di Negeri Perak bagi membantu PBT- PBT berkenaan merancang pembangunan landskap di kawasan masing-masing. Pelbagai projek pembangunan landskap juga telah dilaksanakan di negeri Perak , antaranya termasuklah Taman Awam Teluk Batik, Taman Awam Gunung Lang, Taman Awam Bukit Jana Fasa 1, Urban Woodland Manjung, Riverfront Ipoh, Landskap Pesisiran Sungai Kerian, Taman Poket Kuala Kangsar, Taman Poket Tahwil Aziz Ipoh, dan pelbagai projek menaik taraf taman awam, pemuliharaan landskap dan pembangunan persekitaran kehidupan.

Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri dan rakyat Perak kerana kesemua entiti landskap berkenaan masih lagi berfungsi dengan baik dan dapat digunakan walaupun ada antaranya telah dibina lebih 15 tahun yang lalu. Taman Tasik Kamunting ini sendiri telah dibina oleh Jabatan Landskap Negara sebagai Taman Awam Bukit Jana Fasa 1 untuk Majlis Perbandaran Taiping dan siap pada tahun 2010 dengan kos 3.1 juta ringgit. Walaupun terdapat

kerosakan kecil akibat kesan penggunaan yang kerap, selepas 7 tahun taman ini masih lagi berfungsi dengan baik. Ini semua kerana usaha penyelenggaraan yang berterusan oleh Majlis Perbandaran Taiping dan kesedaran pengguna setempat mengelakkan ia daripada di rosakan akibat vandalisme. Dengan keluasan 10.15 ekar taman ini mampu menyediakan akses rekreasi awam kepada lebih 10,000 orang penduduk sekitar untuk melaksanakan riadah harian.

Projek-projek Semasa Di Negeri Perak

Sementara itu, pada masa ini Kementerian melalui JLN juga sedang melaksanakan pelbagai projek dibawah Rolling plan kedua RMK 11 di Negeri Perak seperti Pembangunan Landskap Dataran Bagan Datuk, Pembangunan Taman Awam Baru di Tasik Temoh Tapah, Taman Rimba Bandar Proton di Tanjung Malim dan Taman Botani Perak dengan nilai keseluruhan disekitar 31.015 juta ringgit. Apabila siap kesemuanya ia akan meningkatkan akses rekreasi kepada penduduk setempat. Adalah menjadi harapan saya agar pelaburan yang diusahakan oleh kerajaan persekutuan di negeri ini dalam mewujudkan akses kepada kemudahan rekreasi dan meningkatkan kawasan hijau perbandaran dapat dimanfaatkan dan dijaga sewajarnya oleh PBT dan masyarakat setempat. Ia secara tidak langsung dapat memanjangkan jangka hayat entiti berkenaan untuk faedah kita semua.

YAB Dato' Sri, Datuk-datuk, Datin- datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Tema HLN 2017

Sambutan Hari Landskap Negara pada tahun ini merupakan sambutan kali yang ke-18. Kementerian telah memilih tema “**Gerakan Rakan Taman Untuk Kesejahteraan Penduduk Bandar**” sebagai tema sambutan pada tahun ini. Rakan Taman merupakan satu program untuk menggerakkan anggota masyarakat bagi bersama-sama berganding bahu dalam usaha menyelenggara dan memelihara entiti landskap yang terdapat dalam sesuatu kawasan atau sesebuah komuniti.

Aktiviti Rakan Taman

Melalui Rakan Taman, kita mampu memperkasakan komuniti (*empowering the community*) untuk melaksana kerja-kerja sukarelawan bagi menyelenggara dan melakukan pembaikan kecil fasiliti dan kemudahan landskap yang terdapat di taman-taman awam seperti taman kejiranan dan lain-lain kawasan landskap. Rakan Taman juga mampu menyemai kesedaran di kalangan masyarakat untuk menzahirkan sifat kepunyaan kepada entiti landskap disekitar mereka.

Disamping itu, pelaksanaan aktiviti Rakan Taman juga akan dapat menyemarakkan semangat perpaduan dan intergasi sosial di kalangan masyarakat. Sehingga hari ini Kementerian melalui Jabatan Landskap Negara dan PBT telah mewujudkan 228 rakan taman diseluruh negara. Kementerian akan terus menggalakan komuniti untuk mewujudkan rakan taman di kawasan masing-masing.

Faedah Susulan

Mengikut rekod Jabatan pada masa ini terdapat 5811 buah taman awam di seluruh negara yang telah dibina oleh PBT, Kerajaan Negeri Kerajaan Persekutuan atau pemaju. Kebanyakannya merupakan kawasan atau taman awam yang kecil. Dari Jumlah tersebut 2503 buah yang kebanyakannya bertaraf taman-taman komuniti, padang permainan dan lot permaian memerlukan perhatian. Taman-taman ini perlu dinaik taraf dan diselenggara supaya ia dapat digunakan dengan lebih selamat oleh masyarakat. Jika kita dapat menggerakkan rakan taman dikalangan komuniti setempat di taman-taman berkenaan, adalah dianggarkan ianya akan dapat meningkatkan akses kemudahan rekreasi kepada lebih 7 juta orang. Satu impak yang besar dengan sumbangan yang sedikit dari masyarakat.

Bagi penduduk bandar, Rakan Taman juga dapat dijadikan *platform* untuk menggalakkan masyarakat melaksanakan pelbagai aktiviti termasuk aktiviti pertanian bandar di persekitaran mereka. Dengan menanam tumbuhan makanan seperti sayur-

sayuran, pelbagai herba untuk kegunaan seharian, kita akan dapat menjadikan kawasan lapang dan hijau disekitar kita lebih produktif dan menarik jika diurus dengan baik oleh komuniti setempat.

Sebagaimana yang dimaklumkan, sambutan Hari Landskap Negara 2017 pada hari ini turut disambut dan diraikan oleh lebih daripada 100 buah Rakan Taman secara serentak diseluruh negara. Adalah dianggarkan hampir 10,000 orang pada masa ini berada di taman-taman awam dan taman-taman kejiranan mereka dengan melaksanakan aktiviti gotong-royong menyelenggara dan membaiki kemudahan taman sambil beriadah. Kita melihat perkara ini sebagai satu pergerakan atau *movement* yang sangat sihat dikalangan masyarakat.

The Way Forward

Bagi pihak KPKT, saya sangat berharap semangat dan rasa sayang terhadap landskap ini akan terus menjadi budaya dalam masyarakat negara ini. **Adalah diharapkan pada masa hadapan, sekurang-kurangnya pada satu hari dalam setahun masyarakat secara sukarela dapat keluar beramai-ramai secara serentak untuk menjaga dan memulihara kawasan landskap di kawasan masing-masing.** Tindakan ini akan menggambarkan bahawa masyarakat kita mengambil berat terhadap entity landskap sebagai aset awam yang perlu sama-sama dijaga bagi faedah yang berterusan. Perkara ini adalah sesuatu yang baru bagi masyarakat Malaysia namun ia telah menjadi satu budaya yang dibanggakan oleh masyarakat di negara maju.

Sehubungan dengan itu, bagi pihak KPKT saya menyeru komuniti setempat dapat menubuhkan Rakan Taman melalui pihak berkuasa tempatan (PBT). Saya juga menyeru agar Jawatankuasa Perwakilan Penduduk di bandar-bandar (JPP) dapat memainkan peranan yang aktif dalam menggerakkan masyarakat melaksanakan kerja-kerja kesukarelawan melalui Rakan Taman. Saya melihat penubuhan Rakan Taman merupakan satu **mekanisme sosial** yang dapat merangsang kesejahteraan penduduk bandar melalui pelbagai aktiviti riadah dan kesukarelawan menjaga tamana-taman

awam dan entiti landskap lain disekitar kita, manakala aktiviti pertanian bandar pula mempunyai impak positif kepada ekonomi keluarga dan komuniti.

KPKT akan membantu dan berkerjasama dengan PBT bagi menggalakan komuniti setempat bersama-sama mengawasi taman dan persekitaran kehidupan yang disediakan melalui **Program Rakan Taman**. Jika perlu kita akan membantu membina upaya Rakan Taman supaya mereka mampu melaksanakan aktiviti tanpa bergantung kepada bantuan pihak kerajaan. KPKT juga mengalu-alukan pihak-pihak yang ingin menyumbang keperluan peralatan rekreasi atau kemudahan lain untuk digunakan oleh ahli masyarakat di semua taman awam dan taman kejiranan. Mereka boleh menyumbang terus kepada Rakan-rakan Taman yang di pilih bagi dimanfaatkan oleh masyarakat untuk berekreasi. Ianya merupakan sumbangan kepada komuniti melalui Rakan Taman sebagai satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang patut kita galakan bagi menambah kemudahan riadah di taman-taman awam.

Penutup

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengajak semua pihak untuk bersama-sama memastikan kemampanan landskap di persekitaran kita. Sumbangan kita secara individu mungkin kecil tapi impaknya bermakna untuk kita nikmati bersama. Kita semua akan merasa gembira jika kita dapat tinggal dan menjalankan urusan seharian di satu kawasan yang indah, selesa dan selamat. Walau pun ia tidak dapat dizahirkan dalam satu jangkamasa yang pendek, **konsistensi** kita, pastinya akan membuahkan landskap yang mampan dan mampu **mensejahterakan** bandar dan penduduknya. Dengan kata-kata #Negaraku - Negara Taman dan dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran Hari Landskap Negara 2017.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi- Wabarakatuh.

Terima Kasih.